

25/05/2003

Ada penduduk Pulau Pinang ketinggalan arus pembangunan

Mutazar Abd Ghani; Maznah Darus

GEORGETOWN: Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kecewa kerana masih ada rakyat

Pulau Pinang ketinggalan, meskipun negeri itu mencapai pembangunan pesat dalam pelbagai bidang.

Perdana Menteri berkata, walaupun banyak bangunan pencakar langit dan moden dibina di negeri ini, namun masih ada rakyatnya yang tinggal di rumah tidak selesa, termasuk rumah kayu yang usang.

Katanya, masih ada rumah tidak begitu selesa yang diperbuat dari kayu seperti biasa dilihat ketika beliau datang ke negeri ini pada 1950-an dulu.

"Saya begitu jarang dapat peluang melihat kawasan sebelah sini (bahagian

utara Pulau Pinang) kerana sering dibawa dari lapangan terbang ke Hotel Equatorial saja (bahagian Selatan).

"Tetapi bagi lawatan kali ini, agak berbeza sedikit kerana saya berpeluang bersenam dan memandu di kawasan Batu Ferringhi. Hasil pemerhatian saya, pembangunan pesat berlaku di bahagian sebelah sini dengan begitu banyak bangunan moden, tinggi dan pencakar langit.

"Tetapi, saya terlihat masih ada rumah yang tidak begitu selesa di sini,

yang dibuat daripada kayu seperti saya lihat ketika saya datang ke Pulau Pinang pada 1950-an.

"Jelas sekali terdapat, sementara kemajuan tercapai, ramai juga daripada

rakyat Pulau Pinang yang tertinggal. Mereka masih tinggal dalam keadaan sebelum Perang Dunia Kedua," katanya ketika merasmikan projek tebus guna tanah Tanjung Pinang, Tanjung Tokong, dekat sini, semalam.

Hadir sama, Ketua Menteri, Tan Sri Dr Koh Tsu Koon, Timbalan Ketua Menteri, Datuk Dr Hilmi Yahya, Setiausaha Kerajaan negeri, Datuk Khalid Ramli dan Pengarah Tanjung Pinang Development Sdn Bhd (TPDSB), Datuk Dr Nik Mohd Kamel Nik Hassan.

Sehubungan itu, Perdana Menteri berkata, sesuatu pembangunan perlu dilaksanakan secara seimbang kerana golongan miskin tidak mampu memiliki rumah mewah, termasuk membeli kondominium.

Beliau melahirkan harapan agar mereka yang tinggal dalam keadaan tidak sempurna dapat dipindahkan ke rumah kos rendah dan sederhana rendah, menerusi subsidi bersilang daripada pembinaan rumah mewah.

Katanya, dengan cara itu juga golongan yang kaya dapat membantu yang miskin, walaupun tidak secara langsung kerana mereka menyumbang kepada peningkatan taraf hidup rakyat miskin, selain menjadi pembayar cukai.

"Inilah cara kita di Malaysia... mereka yang kaya mestilah membantu yang

miskin, kalau pun tidak secara langsung, secara tak langsung mereka menyumbang kepada peningkatan taraf hidup golongan miskin melalui bayaran

cukai kepada kerajaan.

"Jadi, kita gunakan cukai ini untuk memberi kemudahan kepada yang miskin

agar sama-sama (maju) dengan pihak yang lain. Sebab itu, saya gembira dengan projek ini.

"Saya yakin pihak yang akan membangunkan kawasan Tanjung Pinang ini akan mengambil kira perkara yang saya sebutkan tadi," katanya yang menyifatkan projek Tanjung Pinang sebagai usaha murni yang pasti akan mengubah peta Pulau Pinang melalui proses tebus tanah itu.

Dr Mahathir yakin proses itu akan dilaksanakan dengan cara yang baik memandangkan ia akan mewujudkan pulau dengan saluran air mengalir diadakan antara satu sama lain untuk bot yang belayar di situ.

"Saya harap syarikat TPDSB dan kerajaan negeri akan teruskan projek ini sehingga tamat mengikut pelan dan jadual yang ditentukan.

"Saya percaya ia akan ambil kira pantai yang perlu dikekalkan supaya ramai pengunjung sama ada orang tempatan atau dari luar dapat gunakan pantai untuk berkumpul dan berehat," katanya.

Beliau juga mencadangkan agar seni bina rumah Pulau Pinang dimasukkan dalam reka bentuk rumah yang akan didirikan kelak kerana ia boleh menjadi unsur yang menambah daya tarikan kepada pembeli.

"Jika tumpuan yang diberikan hanya kepada pembinaan rumah dalam bangunan tinggi dan moden saja, tiada yang unik lagi di Pulau Pinang, sama sajalah macam pulau lain," katanya.

Projek Tanjung Pinang seluas 392 hektar ekar yang mula dirancang sejak 1997 itu mempunyai tiga fasa dan dijangka mengambil masa kira-kira 10 hingga 12 tahun.

Projek berharga RM5 bilion itu membuktikan kesungguhan kerajaan negeri dan sektor swasta dalam merealisasikan pembangunan sektor industri, pelancongan serta hartanah bagi meningkatkan taraf ekonomi negeri.